

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH
BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN DEWAN DAN
MAJLIS SANJUNGAN JASA
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

PADA 18 NOVEMBER 2021

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

SALUTASI

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN DAN SALAM SEJAHTERA

1. ALHAMDULILLAH, SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN NYA JUA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS PERASMIAN DEWAN BAHARU DAN MERAIKAN PEGAWAI-PEGAWAI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) YANG BERSARA PADA TAHUN 2020 DAN 2021.

2. TERIMA KASIH JUGA SAYA UCAPKAN KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN DEWAN BAHARU YANG TERSERGAM INDAH INI, SETERUSNYA BERSAMA-SAMA MERAIKAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERSARA PADA TAHUN LALU DAN TAHUN INI.

MAJLIS PERASMIAN DEWAN TAN SRI M. YUSOFF, LLM

3. SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA LLM DI ATAS PENYIAPAN DEWAN BAHARU INI PADA 31 MAC 2021, YANG PASTINYA AKAN MEMBERI KESELESAAN DAN PERSEKITARAN YANG LEBIH KONDUSIF. SAYA BERHARAP DENGAN ADANYA DEWAN BAHARU INI, PELBAGAI AKTIVITI DAN PROGRAM DAPAT DILAKSANAKAN SECARA BERSAMA OLEH SELURUH WARGA KERJA INDUSTRI LEBUH RAYA BAGI MENDOKONG ASPIRASI KERAJAAN

MELALUI KONSEP KELUARGA MALAYSIA. SEBAGAIMANA MATLAMAT KELUARGA MALAYSIA YANG MENEKANKAN NILAI-NILAI KETERANGKUMAN, KEBERSAMAAN DAN KESYUKURAN, KITA HENDAKLAH SENTIASA BERSATU PADU DALAM MEMBANGUNKAN INDUSTRI LEBUH RAYA SEBAGAI SEBUAH KELUARGA YANG TEGUH DAN HARMONI.

4. SAYA JUGA AMAT BERBESAR HATI MENGUMUMKAN NAMA DEWAN INI ADALAH DEWAN TAN SRI M. YUSOFF. SAYA PERCAYA PEMILIHAN NAMA DEWAN INI IAITU DEWAN TAN SRI M. YUSOFF AMAT BERMAKNA KEPADA KITA SEMUA DAN PASTINYA KITA TAHU BAHAWA ALLAHYARHAM TAN SRI M. YUSOFF BIN M. YUNUS AMAT SINONIM DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN DI NEGARA KITA. ALLAHYARHAM TAN SRI M. YUSOFF MERUPAKAN SALAH SEORANG JURUTERA MELAYU PERINTIS NEGARA DAN MANTAN KETUA PENGARAH JABATAN KERJA RAYA (JKR) DARI TAHUN 1981 HINGGA 1983. SELEPAS BERSARA, ALLAHYARHAM TELAH DILANTIK SEBAGAI Pengerusi LLM SELAMA 10 TAHUN BERMULA DARI TAHUN 1984 HINGGA 1994 SEBELUM MENYERTAI SYARIKAT KORPORAT.

5. SAYA PERCAYA DENGAN PEMILIHAN NAMA TAN SRI M. YUSOFF BAGI DEWAN INI, DAPAT MENGENANG KEMBALI JASA BAKTI YANG DICURAHKAN OLEH ALLAHYARHAM TERUTAMANYA KEPADA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN DAN INFRASTRUKTUR NEGARA. ANTARA PROJEK UTAMA YANG MELIBATKAN ALLAHYARHAM ADALAH PEMBINAAN LEBUHRAYA

UTARA-SELATAN, JAMBATAN PULAU PINANG, LEBUHRAYA KARAK DAN KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI, SERI PERDANA.

6. ALLAHYARHAM TAN SRI M. YUSUFF TELAH MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 2011 KETIKA BERUSIA 82 TAHUN. MARILAH KITA BERSAMA-SAMA SEDEKAHKAN BACAAN AL-FATIAH UNTUK ALLAHYARHAM, SEMOGA ALLAH MERAHMATI DAN MENEMPATKAN ALLAHYARHAM DI KALANGAN ORANG-ORANG YANG BERIMAN. AL-FATIAH.

MAJLIS SANJUNGAN JASA

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

7. MAJLIS PADA HARI INI JUGA ADALAH UNTUK KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL MERAIKAN SERAMAI 17 PEGAWAI LLM YANG BERSARA PADA TAHUN 2020 DAN 2021. MAJLIS SANJUNGAN JASA INI MERUPAKAN PENGHARGAAN KKR DAN LLM DI ATAS SUMBANGAN KHIDMAT BAKTI PEGAWAI-PEGAWAI INI. SESUNGGUHNYA PERSARAAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DARIPADA PERKHIDMATAN AWAM MERUPAKAN FITRAH PERJALANAN HIDUP YANG SEMEMANGNYA PERLU DITEMPOHI DALAM MERENTASI ARUS MASA. KEMENTERIAN PASTINYA AKAN MERASAI KEHILANGAN PEGAWAI YANG BERPENGALAMAN DAN SELAMA INI BERDEDIKASI DALAM MENCURAHKAN KHIDMAT BAKTI UNTUK BANGSA DAN NEGARA.

8. SEPANJANG MENJALANKAN TUGASAN SEBAGAI PENJAWAT AWAM, PASTINYA PELBAGAI KISAH SUKA DUKA DALAM MENGHARUNGI CABARAN DAN RINTANGAN TELAH DILALUI. WALAUPUN PENGALAMAN BAGI SETIAP INDIVIDU PASTINYA BERBEZA, TETAPI SAYA YAKIN SEMUA PENGALAMAN TUAN PUAN BOLEH DIKONGSI ATAU DIJADIKAN PEDOMAN UNTUK PENJAWAT AWAM MUDA. SEMOGA SEGALA PERISTIWA PAHIT MANIS YANG TELAH DILALUI SEBAGAI PENJAWAT AWAM, AKAN MENJADI KENANGAN INDAH YANG TERPAHAT KUKUH PADA SANUBARI MASING-MASING.

9. SESUNGGUHNYA FASA PERSARAAN INI MERUPAKAN SATU PELUANG UNTUK TUAN PUAN MENYESUAIKAN DIRI DENGAN FASA KEHIDUPAN BAHARU, MENCUBA HOBI BAHARU ATAU MENERUSKAN MINAT LAMA YANG TERPENDAM, YANG TIDAK DAPAT DILUNASKAN SELAMA INI KERANA KESIBUKAN BEKERJA. TERUSLAH AKTIF DENGAN APA YANG ANDA SEMUA MINATI DAN JAGALAH KESIHATAN DIRI.

10. BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG MASIH BERKHIDMAT, SAYA BERHARAP TUAN PUAN DAPAT MENERUSKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG DAN BERKUALITI KEPADA RAKYAT. KITA JUGA HENDAKLAH SENTIASA MENGAMALKAN BUDAYA INTEGRITI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN AGAR KITA BEBAS DAN TERHINDAR DARIPADA SALAH LAKU RASUAH.

TINGKATKAN PEMANTAUAN / SIAP SIAGA

HADIRIN SEKALIAN,

11. DI KESEMPATAN INI JUGA, SUKA SAYA MENINGGATKAN AGAR LLM DAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA MENINGKATKAN PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI MENGEKANG PENULARAN COVID-19 DI LEBUH RAYA TERUTAMANYA DI KAWASAN REHAT DAN RAWAT SERTA HENTIAN SEBELAH.

12. DI SAMPING ITU, KITA JUGA PERLU SENTIASA BERSEDIA DALAM MENGHADAPI HAL-HAL LUAR JANGKA DI LEBUH RAYA SEPERTI BANJIR, TANAH RUNTUH DAN KEMALANGAN BERIKUTAN MUSIM TENGGUJUH YANG SUDAH PUN BERMULA. LLM DAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA HENDAKLAH MEMBUAT PERSIAPAN AWAL BAGI MENGHADAPI SITUASI INI BAGI MEMASTIKAN OPERASI DAN PERKHIDMATAN LEBUH RAYA BERJALAN DENGAN LANCAR.

PENUTUP

13. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SEKALI LAGI SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI ATAS JASA BAKTI PARA PESARA YANG DIRAIKAN PADA HARI INI. MARILAH KITA SAMA-SAMA MENDOAKAN AGAR MEREKA AKAN SENTIASA MAJU JAYA DAN DIBERKATI DALAM SETIAP USAHA YANG DICEBURI SELEPAS INI.

AKHIR KATA, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN DEWAN TAN SRI M.
YUSOFF, LLM.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIQ WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHIWABARAKATUH

Z:\UNIT PERKHIDMATAN\Persaraan\Majlis Persaraan LLM\11 Nov 2021\Teks Ucapan YBM KKR Mjls Persaraan 2021 - Edit By Dato' KP.Docx